

CNS5375

U CB 28-08 00190 BA116

aab

Mahathir - Bank

(EMBARCO UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAM INI)

I

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Sistem bank di Malaysia yang terkandung dalam Wawasan 2020 ialah yang berorientasikan perkhidmatan, komited, cekap, canggih dan mempunyai ketahanan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Wawasan untuk mewujudkan sistem bank yang dinamik bukan +sesuatu yang tidak boleh dicapai,+ kata beliau ketika menggariskan kualiti yang perlu diamalkan oleh institusi kewangan ke arah pencapaian matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

+Jika Malaysia hendak mencapai taraf negara maju, perolehan jangka pendek hendaklah diketepikan dengan mengutamakan pencapaian jangka panjang ... yang membabitkan pengorbanan dan sikap bercermat,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir pada majlis jamuan institusi kewangan di sini.

Bank dan institusi kewangan memainkan peranan penting dan memikul tanggungjawab yang berat ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju, dan dalam hubungan ini, negara mengharapkan industri berkenaan memiliki kualiti tertentu.

Kualiti ini bertujuan menjadikan industri itu bersikap penyayang dan berunsurkan perkhidmatan, komited ke arah menyokong aktiviti-aktiviti yang produktif, kompetitif dan cekap, inovasi dan canggih serta stabil. -- Lagi.

▼28/08/18-17MST

CNS5411

U CB 28-08 00163 BA120

aab

Mahathir - Bank 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mutu perkhidmatanlah yang menentukan sokongan daripada penyimpan dan peminjam kepada bank, bukannya barangan.

+Walaupun bank telah memperkenalkan pelbagai barangan dan teknologi yang canggih, institusi bank pada umumnya masih bertindak sebagai orang tengah antara penyimpan dan peminjam,+ kata beliau.

Beliau berkata, mutu perkhidmatan bank boleh diperbaiki dengan memastikan pelanggan yang berbaris untuk berurusan dengan bank tidak menunggu lama, pinjaman cepat diproses, syarat-syarat yang adil dan tidak lokek memberi senyum apabila berkata +tidak.+

Perdana Menteri mengingatkan bank supaya menggunakan kebijaksanaan mereka apabila memberi pinjaman untuk urusan spekulasi dan pembelian saham yang terlalu tinggi harganya sambil berkata, sebagai sebuah negara membangun, Malaysia tidak boleh mempunyai bank yang muflis kerana ia membebankan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pengambil deposit secara haram yang menipu penduduk luar bandar walaupun tindakan ini mungkin tidak popular. -- Lagi.

▼28/08/18-35MST

CNS5423

U CB 28-08 00169 BA121

aab

Mahathir - Bank 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Datuk Seri Dr Mahathir menggesa bank bersikap peramah terhadap pendeposit yang berpotensi dari luar bandar untuk menggalakan mereka melabur secara bijak di samping mendidik mereka supaya tidak terpengaruh dengan skim cepat kaya.

Mengenai komitmen untuk menyokong kegiatan yang produktif, beliau berkata industri bank hendaklah memastikan pembiayaan kredit pada kos yang munasabah dikekalkan pada setiap masa untuk membiayai aktiviti produktif yang akan menghasilkan keuntungan, barangan tambah nilai dan perkhidmatan serta pekerjaan.

Bank juga perlu bersedia membiayai pelaburan industri secara besar-besaran oleh sektor swasta memandangkan sektor pembuatan dijangka memainkan peranan penting di bawah Rancangan Malaysia Keenam, kata beliau.

Perdana Menteri berkata, menjadi tanggungjawab industri berkenaan untuk memastikan simpanan negara disalurkan kepada usahawan yang benar-benar menunjukkan kesungguhan dan tidak menyalurkannya bagi membiayai pelaburan spekulasi.

Institusi bank juga harus bekerjasama apabila perlu untuk menguruskan pinjaman bersindiket dan bersikap inovasi dalam penggunaan modal pasaran untuk memenuhi permintaan bagi pembiayaan, kata beliau. -- Lagi.

♥28/08/18-44MST

CNS5469

U CB 28-08 00137 BA125

aab

Mahathir - Bank 4 Kuala Lumpur (Embargo)

Datuk Seri Dr Mahathir juga menggesa bank membiayai industri-industri kecil, dan meningkatkan pinjaman kepada sektor pembuatan.

Beliau berkata, kecekapan dan kecanggihan pula akan membantu bank menghadapi persaingan yang dijangka meningkat dalam sektor kewangan pada tahun-tahun akan datang.

Ketidakcekan dan sikap terlalu bergantung kepada margin besar menyebabkan pertumbuhan ekonomi terbantut dan menghalang kemajuan ke arah menjadikan Malaysia negara maju, kata beliau.

Mengenai perlunya inovasi, beliau berkata inovasi kewangan seperti syarikat-syarikat sekuriti dan kewangan, yang telah membuktikan manfaatnya daripada segi ekonomi, akan terus diberi perhatian.

Inovasi-inovasi ini perlu bagi memastikan sistem kewangan negara bergerak ke arah pemusatan berunsurkan pasaran dan membolehkan ekonomi berkembang di samping menggalakkan pembentukan modal, simpanan dan pertumbuhan ekonomi yang stabil, kata beliau. -- Lagi.

♥28/08/19-35MST

CNS5470

U CB 28-08 00148 BA126

aab

Mahathir - Bank 5 Kuala Lumpur (Embargo)

Keupayaan menghadapi kejutan, mungkin kualiti yang paling penting kerana sistem bank yang stabil memastikan kesinambungan kredit bagi kemajuan dan pembangunan negara, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, kemelesetan ekonomi pada tahun 1985-86 menyebabkan kerajaan terpaksa membina semula dan memperkukuhkan ikatan dalam sistem bank seperti menyelamatkan bank-bank yang +tenat+ dan memperkukuhkan institusi kecil.

Aliran ke arah itu di seluruh dunia nampaknya tidak dapat dielakkan dengan kebanyakan bank di Jepun berbuat demikian dan di negara ini, proses itu dijangka lebih lancar, kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pihak berkuasa terus memajukan sistem penyeliaan bagi mengekalkan persekitaran yang selamat lagi stabil bagi bank beroperasi.

+Kestabilan sistem bank di Malaysia, seperti sistem bank yang lain, bergantung kepada kepercayaan orang ramai bahawa simpanan mereka dalam bank selamat,+ kata beliau. -- Lagi.

♥28/08/19-37MST

CNS5472

U CB 28-08 00067 BA127

aab

Mahathir - Bank 5 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

+Industri bank hendaklah menjalankan urusannya dengan mengamalkan kejujuran dan sikap berjimat-cermat akan memastikan kestabilan bank, tidak kira bagaimana moden dan canggih sekalipun sistem itu,+ kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menarik perhatian tentang pentingnya memiliki kakitangan berkualiti yang menurutnya ialah +aset paling berharga+ bagi bank. -- Bernama.

♥28/08/19-37MST